

Kerajaan teruskan penjelasan terperinci

Keraguan akibat dakwaan bekas PM akan dihapuskan: T P M

Oleh Ahmad Ghazali Musa

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan akan memberi penjelasan dari semasa ke semasa berhubung semua persoalan yang dibangkitkan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini selaras dengan keputusan Kabinet sebelum ini yang mahu penjelasan diberi secara terperinci bagi menghapuskan sebarang keraguan berikutan pelbagai dakwaan yang dilemparkan bekas Perdana Menteri.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sekolah Kebangsaan Pekan Jaya di sini, semalam. Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Ahmad Sipon dan Pengarah Pelajaran Pahang, Datuk Ahmad Azmey Abu Talib,

Kelmarin, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mendedahkan isu penjualan pasir dan penggunaan ruang udara Malaysia sebenarnya dibangkitkan Singapura, bukannya ditawarkan kerajaan sekarang seperti didakwa Dr Mahathir.

Malah, Dr Mahathir sendiri ketika mengetuai kerajaan, memasukkan isu ruang udara sebagai satu daripada isu untuk pertukaran ketika rundingan secara pakej diadakan di antara kedua-dua negara.

Pendedahan itu dibuat Syed Hamid dalam jawapan bertulis diedarkan di Dewan Rakyat sebagai menjawab soalan Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur), Salahuddin Ayub (Pas-Kubang Kerian) dan Abul Fatah Harun (Pas-Rantau Panjang).

Sementara itu, Najib bersyukur dengan keputusan Mahkamah Pilihan Raya di Kota Bharu kelmarin yang menolak petisyen Pas mencabar ke-



TARIK PERHATIAN: Najib bertanya sesuatu kepada murid SK Pekan Jaya, Nurul Husna Abdul Ghani mengenai laman web, selepas merasmikan sekolah berkenaan di Pekan, semalam.

putusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Pengkalan Pasir yang dimenangi Barisan Nasional pada 6 Disember lalu.

"Kita yakin selama ini tidak ada apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh jentera Barisan Nasional (BN), dan mahkamah telah meneliti segala tu-

duhan itu. Jelas sekali semua tuduhan itu tidak berasas dan mahkamah menolak petisyen itu dengan kos.

"Kejayaan ini akan menguatkan lagi iltizam BN untuk berkhidmat kepada rakyat dan membawaperubahan kepada Pengkalan Pasir," katanya,

Terdahulu, dalam ucapannya, Na-

jib mahu rakyat mengubah minda agar lebih berani dan berinovasi dmenerokai peluang baru ekonomi.

"Pergantungan sumber yang ada tidak mengubah pendapatan negara kepada tahap lebih besar, malah kita terus tergolong dalam kategori dunia ketiga dan sedang membangun," katanya.